



# Journal of Nusantara Studies (JONUS)

## KAEDAH PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF DARI SUDUT SYARIAH DI MALAYSIA

### [ALTERNATIVE DISPUTE RESOLUTION METHODS FROM THE SYARIAH PERSPECTIVE IN MALAYSIA]

\*<sup>1</sup>Nur Khalidah Dahlan, <sup>2</sup>Mohd. Rizal Palil, <sup>3</sup>Mohamad Abdul Hamid &  
<sup>4</sup>Noor Inayah Yaakub

<sup>1</sup> Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Faculty of Economics and Management,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup> Kolej Universiti Insaniah, Kedah, Malaysia

<sup>4</sup> Universiti Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author: nkhalidahd@gmail.com

#### ABSTRACT

*Family and marital disputes are commonly heard cases in our daily lives. The trial courts and the alternative resolution methods may be used for the parties involved in the disputes to settle their problems. This paper reviews the aspects of the legal provisions concerning the jurisdiction of courts (civil and Syariah) and also the alternative dispute resolution methods. Some of the proposed alternative methods are arbitration, mediation, and sulu. These alternative resolution methods may be used to avoid the tedious court processes and to reduce the cost of settling the disputes. The alternative methods are strongly encouraged in Islam and there are clear guidelines in Malaysia regarding the ways to employ the alternative methods. The use of the alternative methods is effective as reflected in the number of cases which have been successfully solved using the methods. This paper concludes that Muslim community in Malaysia has the convincing options to resolve their family / marital disputes either in courts or through the alternative resolution methods.*

**Keywords:** Syariah Court, Alternative Dispute Resolution, Sulu Council, Arbitration, Mediation.

#### 1.0 SISTEM PERUNDANGAN MAHKAMAH SIVIL

Struktur Badan Kehakiman Malaysia boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rendah. Mahkamah tertinggi di Malaysia adalah Mahkamah Persekutuan diikuti dengan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Mahkamah Rendah pula terdiri daripada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Mahkamah Khas ditubuhkan melalui Perlembagaan Persekutuan pada 20 Mac 1993 dan mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan sivil atau jenayah

yang dimulakan oleh atau terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu yang lain. (Sumber dari laman sesawang [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my), 2017).

Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif merupakan kaedah-kaedah yang yang boleh digunakan oleh pihak – pihak yang terlibat untuk menyelesaikan pertikaian mereka tanpa perlu prosiding mahkamah. Bentuk yang paling biasa bagi penyelesaian pertikaian alternatif adalah pengantaraan (*mediation*) dan timbangtara (*arbitration*).

Berdasarkan Arahan Amalan No. 5 tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara pada 16 Ogos 2010, pihak mahkamah khususnya sivil kini diberi rangka kerja yang sesuai bagi meneroka kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang lain sebelum meneruskan ke proses perbicaraan di mahkamah, termasuk kes-kes perbankan Islam. Kelebihan menyelesaikan pertikaian tersebut adalah (i) pihak-pihak ini mampu untuk meneroka semua pilihan yang ada; (ii) isu-isu asas dan titik persamaan yang boleh dikenal pasti; (iii) hubungan baik dipulihkan dan dikekalkan; (iv) syarat-syarat yang telah dipersetujui akan diterima oleh kedua-dua pihak; (v) penyelesaian adalah bermanfaat; (vi) tiada kelewatan dalam perbicaraan mahkamah; dan (vii) segala keputusan adalah muktamad.

Oleh hal yang demikian, penyelesaian pertikaian tidak lagi tertumpu hanya kepada proses perbicaraan di mahkamah malah segelintir pihak-pihak telah mula menyelesaikan pertikaian mereka melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif. Maka masyarakat harus memahami kelebihan-kelebihan dalam menyelesaikan pertikaian melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif ini. Kajian ini turut bertujuan untuk memperlihatkan konsep-konsep sistem perundangan syariah dan cara penyelesaian di luar mahkamah secara langsung atau tidak langsung di negara ini.

## **2.0 PENGENALAN**

Pada dasarnya, Sakdan (2005) menyatakan konflik atau pertikaian adalah sesuatu yang boleh terjadi kepada individu, kumpulan, organisasi maupun masyarakat. Konflik atau pertikaian boleh ditafsirkan dan difahami dari pelbagai sudut. Hakikatnya konflik atau pertikaian merupakan suatu sifat semula jadi yang wujud pada manusia. Konflik / pertikaian sentiasa bersama dan berkembang secara dinamik seiring dengan perkembangan manusia. Pemahaman terhadap konflik / pertikaian akan memudahkan proses pengawalan, perubahan dan penyelesaian kepada masalah yang wujud.

Menurut Deutsch (1990) pula, konflik / pertikaian timbul akibat ketidaksetujuan dan ketidaksesuaian tingkah laku. Ini menyebabkan timbulnya pertentangan, tiada persetujuan, kontroversial atau pertentangan antara dua belah pihak atau lebih. Selain itu, konflik / pertikaian juga berlaku apabila ada perbezaan matlamat, nilai persepsi di antara dua pihak yang lazimnya mengakibatkan tercetus pertentangan interaksi di antara mereka.


Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti boleh menyebabkan konflik / pertikaian. Faktor-faktor tersebut dapat digolongkan sebagai faktor biologi, psikologi, demografi, geografi, sosioekonomi dan budaya. Namun apa yang dikatakan konflik / pertikaian dalam masyarakat lebih bertumpu kepada faktor budaya dan sosioekonomi.

Sering kali konflik / pertikaian yang berlaku adalah berpunca daripada pihak-pihak yang terlibat hendak mencuba mempertahankan hak mereka dengan niat untuk menjaga kepentingan masing-masing. Undang-undang dicipta untuk memenuhi keperluan individu dan juga masyarakat (Freeman, 2008). Undang-undang juga merupakan jurutera sosial yang memantau segala keperluan dan kemahuan masyarakat telah dicapai (Syed Ahmad Idid, 2005).

Hasilnya, dua bentuk penyelesaian telah dicipta bagi menyelesaikan konflik / pertikaian tersebut. Dua bentuk penyelesaian tersebut adalah proses perbicaraan di mahkamah dan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif. Proses perbicaraan di mahkamah di dalam skop ini adalah bertumpu kepada perbicaraan di mahkamah syariah.

### 3.0 SISTEM PERUNDANGAN SYARIAH

Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah bebas daripada organisasi Jabatan Agama Islam Negeri. Pengurusan Mahkamah Syariah diketuai oleh Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Pegawai Sulh, Pendaftar, Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah dan kakitangan lain (Mohd Nadzri, 2010).



Rajah 1: Pengurusan Mahkamah Syariah di Malaysia

Kerajaan telah membantu meningkatkan peranan dan kecekapan mahkamah syariah dengan menyusun semula struktur organisasi (Rajah 1). Mahkamah Syariah juga telah dipertingkatkan peranannya oleh Kerajaan Negeri dengan meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah. Ini adalah untuk mewujudkan tiga peringkat Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan akhir sekali Mahkamah Rendah Syariah.

Salah satu perbezaan yang jelas di antara bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah adalah dengan merujuk kepada bidang kuasa Mahkamah Sivil dinyatakan dalam

Perlembagaan Persekutuan (Jadual kesembilan, senarai pertama – senarai persekutuan). Dalam konteks Mahkamah Syariah, sumber bidang kuasanya adalah berdasarkan kepada Senarai 2, yakni Senarai Negeri. Jadual kesembilan memberikan kuasa perundangan kepada negeri melainkan dalam soal-soal jenayah. Badan Perundangan Negeri yang diberikan kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan mentadbirkan Undang-Undang Islam dan semua hal-ehwal Islam di negeri masing-masing kecuali Wilayah Persekutuan, yang diletakkan di bawah Persekutuan.

Jadual Kesembilan, Senarai 2 - Senarai Negeri, dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

*Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam negeri; adat istiadat Melayu; zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan cara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara hukum syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.*

Perkara-perkara yang disebut di atas adalah perkara-perkara yang merupakan di bawah bidang kuasa civil (mal) mahkamah syariah. Selain daripada perkara-perkara tersebut, ia merupakan dibawah bidang kuasa Mahkamah Sivil (Abd Majid, 1997).

Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sama seperti Mahkamah Sivil iaitu terdiri daripada bidang kuasa jenayah dan bidang kuasa mal. Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah merujuk kepada Akta Mahkamah Syariah Bidang kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984). Akta ini memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman denda maksimum RM5000, atau penjara maksimum 3 tahun atau sebatan 6 kali atau gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan.

Manakala bidang kuasa mal (harta) pula merujuk kepada setiap perundangan syariah mengikut negeri-negeri masing-masing. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mal yang merangkumi lebih kepada aspek kekeluargaan Islam iaitu pertama, berkaitan dengan isu-isu sebelum perkahwinan seperti putus tunang, permohonan kebenaran untuk berkahwin dan permohonan untuk berpoligami. Kedua, berkaitan dengan persoalan semasa perkahwinan

contohnya permohonan mengesahkan perkahwinan, permohonan membatalkan perkahwinan yang tidak sah, permohonan nafkah diri, nafkah anak, mensabitkan isteri nusyuz, permohonan isteri supaya suami hidup bersama semula dan sebagainya. Ketiga, berkaitan dengan persoalan pembubaran perkahwinan. Misalnya permohonan cerai khulu, li'an, fasakh, talak, ta'liq, perceraian dengan perintah, kerana murtad dan juga secara anggapan mati. Keempat, sebarang permohonan di dalam sesuatu kes sedang berjalan (interlocutory order) contohnya, permohonan sementara nafkah sama ada diri dan anak, hadanah, perintah larangan terhadap harta dan gangguan. Kelima adalah perkara-perkara yang berbangkit selepas perceraian contohnya sagu hati (mutaah) selepas perceraian, harta sepencarian, nafkah iddah, nafkah anak, nafkah tertunggak dan juga soal hadanah (penjagaan anak). Seterusnya adalah permohonan-permohonan mengenai wasiat, wakaf dan harta pusaka dan akhir sekali, permohonan penguatkuasaan perintah mahkamah (Md Supi, 2013).

## **4.0 PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF (PPA)**

### **4.1 Latar belakang**

Penyelesaian pertikaian bagi pihak-pihak yang terlibat bukan sahaja tertumpu kepada kaedah perbicaraan di mahkamah, terdapat juga kaedah-kaedah yang lain yang boleh dirujuk sebagai alternatif bagi mencapai penyelesaian. Kaedah ini di panggil kaedah penyelesaian pertikaian alternatif iaitu seperti kaedah '*arbitration*' (timbang tara / tahkim), '*mediation*' (pengantaraan), '*conciliation*' (perdamaian), kepakaran pakar dan *sulh* (perbincangan, pengantaraan / perdamaian). Kaedah PPA merupakan salah satu langkah yang efektif dalam menyelesaikan pertikaian. Ini kerana konsep utama yang diterapkan adalah memenuhi keperluan semua pihak sejajar dengan matlamat yang diaplikasikan oleh kaedah ini.

Kaedah PPA telah digunakan oleh orang Islam untuk menyelesaikan perbezaan mereka secara baik dan kaedah ini telah disebut dan digalakkan dalam sumber perundungan Islam. Ini kerana Islam adalah agama yang mementingkan keamanan daripada permusuhan serta prinsip bertolak ansur daripada konfrontasi. Menurut Syed Khalid Rashid (2004), Islam menggalakkan masyarakat untuk menyelesaikan permasalahan mereka secara baik dan bukannya dalam cara mewujudkan permusuhan. Oleh itu, dalam Islam, kita digalakkan untuk menggunakan proses PPA bagi menyelesaikan pertikaian.

Kaedah PPA bukanlah sesuatu yang baharu dalam sistem pengadilan. Penggunaannya telah banyak diamalkan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Antara kaedah PPA yang diamalkan di Malaysia adalah seperti kaedah timbang tara, kaedah perdamaian (*Conciliation*), kaedah pengantaraan (*mediation*) dan kaedah *Sulh*. Kaedah PPA di Malaysia mula dirasmikan dengan pengenalan Akta Timbang Tara 1952 yang kemudiannya digantikan oleh Akta Timbang Tara 2005. Malah kaedah penyelesaian pertikaian alternatif juga telah dinyatakan di dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

### **4.2 Akta Mahkamah Kehakiman 1964**

Berikut adalah peruntukan perundangan yang menerangkan bahawa penyelesaian pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat boleh juga melalui kaedah PPA iaitu seperti kaedah timbang tara.

Rujukan di bawah perintah mahkamah

24A. (1) Mahkamah Tinggi boleh merujuk apa-apa soal yang berbangkit dalam mana-mana klausa atau perkara, selain sesuatu prosiding jenayah oleh pendakwa raya, bagi siasatan atau laporan kepada mana-mana referi khas. Laporan seseorang referi khas boleh diterima pakai keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Mahkamah Tinggi dan dikuatkuasakan sebagai suatu dekri, penghakiman atau perintah yang memberikan kesan yang sama.

(2) Dalam apa-apa klausa atau perkara selain sesuatu prosiding jenayah oleh pendakwa raya—

(a) Jika semua pihak berkepentingan yang tidak menanggung ketidakupayaan bersetuju;

(b) Jika klausa atau perkara itu menghendaki apa-apa pemeriksaan dokumen yang berpanjangan atau apa-apa penyiasatan saintifik atau tempatan yang, pada pendapat Mahkamah Tinggi, tidak dapat dijalankan dengan mudah oleh mahkamah itu melalui pegawai biasanya; atau

(c) Jika soal yang dipertikaikan itu terdiri, keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada perkara akaun,

Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya seluruh klausa atau perkara itu atau apa-apa soal atau persoalan fakta yang berbangkit dalam klausa atau perkara itu dibicarakan di hadapan seorang referi khas atau penimbang tara yang dipersetujui masing-masingnya oleh pihak itu atau di hadapan seorang pegawai mahkamah itu.

(3) (a) Dalam segala hal, rujukan kepada seseorang referi khas atau penimbang tara di bawah sesuatu perintah Mahkamah Tinggi dalam apa-apa klausa atau perkara, referi khas atau penimbang tara itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai mahkamah yang mempunyai kuasa dan hendaklah menjalankan rujukan itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, dan tertakluk kepada yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi.

(b) Laporan atau award mana-mana referi khas atau penimbang tara atas apa-apa rujukan itu hendaklah, melainkan jika diketepikan oleh Mahkamah Tinggi, menjadi setara dengan dekri, penghakiman atau perintah mahkamah itu.

(c) Saraan yang hendaklah dibayar kepada mana-mana referi khas atau penimbang tara yang kepadanya apa-apa perkara dirujukkan di bawah perintah Mahkamah Tinggi hendaklah ditentukan oleh mahkamah itu.

(4) Mahkamah Tinggi hendaklah, tentang rujukan di bawah perintah mahkamah, mempunyai segala kuasa yang diberikan oleh Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] kepada Mahkamah Tinggi tentang rujukan dengan persetujuan di luar mahkamah.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, jika terdapat sesuatu kemosykilan berkaitan dengan isu fakta yang bercampur aduk dengan undang-undang, pihak mahkamah dengan kuasa budi bicaranya boleh memerintahkan isu itu ditangguhkan bagi pihak mahkamah dan merujuk perkara itu kepada referi khas atau penimbang tara sepertimana yang termaktub di dalam seksyen 24A (1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964).

Mahkamah Tinggi berkuasa untuk memutuskan supaya sesuatu perkara yang tidak mendapat persetujuan bersama oleh semua pihak untuk dibicarakan di hadapan referi khas

atau seseorang penimbang tara yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat (seksyen 24A (2) (a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964). Selain itu, jika terdapat perkara-perkara yang perlu diperiksa dalam sesuatu dokumen atau pemeriksaan yang lebih teliti perlu dilakukan dan tidak dapat dijalankan dengan mudah oleh pihak mahkamah, maka kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dirujuk oleh pihak-pihak yang terlibat (Seksyen 24A (2) (b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964). Ini turut termasuk soal-soal yang berkaitan dengan keseluruhan, sebahagian dokumen ataupun berkaitan dengan dokumen akaun (Seksyen 24A (2) (c) Akta Mahkamah Kehakiman 1964).

Isu undang-undang dan fakta yang boleh diletakkan di dalam bidang pengadil khas, penimbang tara atau pegawai mahkamah adalah perkara-perkara yang pihak hakim berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai oleh semua pihak yang terlibat. Pegawai mahkamah di sini ditakrifkan sebagai seseorang pendaftar atau hakim Mahkamah Rendah dengan syarat mereka mempunyai syarat-syarat kelayakan akademik dan pengetahuan yang mendalam berkaitan perkara tersebut.

Apabila sesuatu isu yang memerlukan pemeriksaan yang teliti itu dipersoalkan, pihak referi khas (pegawai khas) atau penimbang tara boleh dirujuk bagi mencapai persetujuan bersama bagi pihak-pihak yang bertikai. Menurut seksyen 24A ini juga menunjukkan tiada klausa yang khas dapat atau boleh menghalang mana-mana pihak yang bertikai untuk merujuk kepada penyelesaian di luar mahkamah (kaedah penyelesaian pertikaian alternatif).

Menurut Guest (1979), setiap jenis pemasalahan atau pertikaian yang boleh diselesaikan dengan cara mengambil tindakan undang-undang boleh juga diselesaikan dengan kaedah timbang tara iaitu apabila melibatkan pemasalahan atau pertikaian dalam perniagaan, perdagangan antarabangsa, insurans, sekuriti dan teknologi untuk hubungan buruh, pekerjaan, alam sekitar, dasar awam, penyelewengan dalam perubatan dan undang-undang keluarga. Terdapat berjuta-juta kontrak komersial yang mengandungi klausa untuk mengadakan peruntukan bagi timbang tara. Walaupun pihak-pihak yang terlibat sering tidak memasukkan fasal mengenai kaedah timbang tara dalam perjanjian mereka, tetapi itu tidak menunjukkan pihak-pihak itu tidak bersetuju untuk memilih menggunakan kaedah timbang tara di dalam sesuatu konflik.

#### **4.3 Kaedah – Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif**

Kaedah timbang tara adalah salah satu pendekatan PPA yang boleh mengurangkan masa dan kos perbelanjaan untuk mencapai satu penyelesaian. Terdapat satu istilah yang mengatakan kaedah timbang tara ini merupakan '*Businessman's method of resolving disputes*' yang ditadbir oleh kerajaan negeri, undang-undang persekutuan, dan berdasarkan peraturan-peraturan timbang tara. Menurut Bennett (2000), proses PPA adalah neutral, seperti seorang hakim yang berkhidmat sebagai pencari fakta dan pemberi keputusan serta menyediakan pihak-pihak yang terlibat akan penilaian merit mengenai semua aspek dalam kes tersebut.

Kaedah pengantaraan merupakan suatu proses penyelesaian pertikaian secara sukarela di mana pihak-pihak yang terlibat, bersetuju untuk membenarkan pihak ketiga (pihak yang neutral -pengantara) untuk membantu mereka. Tugas seorang pengantara itu adalah mengenal pasti isu-isu yang mengutamakan kepentingan bersama. Pengantara akan bertindak sebagai seseorang yang memudahkan, menyediakan pilihan alternatif dan bertindak untuk menyelesaikan isu-isu tersebut. Pengantara juga bertindak mencari jawapan ke atas isu-isu yang diterima daripada pihak-pihak yang berselisihan. Akan tetapi, pihak pengantara tidak

mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang muktamad. Tiada unsur paksaan diterapkan dalam kaedah pengantaraan ini (Bing, 2010).

Akta Malaysia bagi kaedah pengantaraan adalah merujuk kepada Akta Pengantaraan 2012 yang terdiri daripada 7 bahagian. Bahagian I adalah merupakan tafsiran dan penerangan terhadap ketidakpakaian akta ini dalam situasi-situasi khas [merujuk kepada jadual 2(a)] iaitu Akta Pengantaraan 2012 tidak akan diguna pakai apabila berkaitan dengan situasi pilihan raya, perkara-perkara jenayah, apa-apa pengantaraan yang dilakukan oleh seseorang hakim, majistret atau pegawai mahkamah serta yang dijalankan oleh jabatan bantuan guaman. Bahagian II pula merupakan perkara-perkara permulaan bagi menjalankan kaedah pengantaraan. Bahagian III merangkumi perlantikan pengantara dan penamatan pelantikannya. Seterusnya bahagian IV menerangkan proses kaedah pengantaraan dan Bahagian V pula adalah penamatan kaedah pengantaraan. Bahagian VI menyentuh aspek kerahsiaan dan perlindungan. Akhir sekali merupakan Bahagian VII yang merangkumi aspek yang pelbagai seperti kos, kuasa meminda jadual, tanggungan pengantara dan peraturan-peraturan.

Bukhari (2003) menyatakan pada tahun 1995, Majlis Peguam Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa kaedah penyelesaian alternatif yang berfungsi sebagai pusat pengantaraan di Malaysia. Pusat tersebut adalah *Malaysian Mediation Centre* (MMC) yang ditubuhkan pada 6 November 1999 dan bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan dalam bidang sivil secara kaedah pengantaraan. Proses pengantaraan yang ditakrifkan oleh MMC adalah merupakan proses yang dilakukan secara sukarela di mana terdapat satu pihak ketiga yang akan bertindak sebagai pengantara (*mediator*) dan akan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam menyelesaikan permasalahan mereka secara baik.

Timbang tara (*arbitration*) dan pengantaraan (*mediation*) adalah kaedah PPA yang sering diamalkan dalam pertikaian kewangan di Malaysia. Timbang tara adalah kaedah penyelesaian pertikaian yang melibatkan orang yang berselisihan membentangkan kes mereka di hadapan penimbang tara yang bebas, tidak berat sebelah dan merupakan pakar yang mempunyai pengetahuan undang-undang. Penimbang tara ini akan membuat keputusan setelah melakukan pemeriksaan fakta-fakta dalam kes itu. Jika pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju, keputusan tersebut akan mengikat mereka. Berlainan dengan kaedah pengantaraan iaitu merupakan satu proses di mana pihak ketiga akan menjadi pihak yang neutral bagi pihak-pihak yang berselisihan untuk mencapai penyelesaian yang dipersetujui bagi konflik mereka.

Selain kaedah timbang tara dan kaedah pengantaraan, kaedah PPA yang lain adalah kaedah *sulh*. Al-Quran, surah al-Nisaa ada menerangkan pengamalan kaedah pengantaraan (*sulh*) bersama-sama dengan kaedah *tahkim*:

*Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah ‘orang tengah’ (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua ‘orang tengah’ itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya (4:35).*

Kebanyakan kaedah-kaedah pengantaraan dan *tahkim* yang diamalkan di Malaysia hanya bertumpu kepada pertikaian dalam hal-hal keluarga di Mahkamah Syariah. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperkenalkan rangka kerja bagi hakam

dan jawatankuasa pendamai itu. Begitu juga kaedah *sulh* yang telah diperkenalkan pada tahun 1990-an di Mahkamah Syariah Malaysia tetapi amalan itu hanya boleh diterima pakai setelah kes-kes tersebut didaftarkan dan dirujuk kepada pengurus Majlis *Sulh* pada 2002. Kaedah *Sulh* dan kaedah Hakam itu adalah untuk pertikaian dalam perundangan keluarga Islam yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah (Abdul Hak, 2006).

Menurut Azahari (2005), *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah* menerangkan *sulh* sebagai akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan redha meredhai. Buang (2002) pula menerangkan bahawa *sulh* dalam terma yang lain adalah kaedah pengantaraan. Kaedah pengantaraan boleh didefinisikan sebagai “proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai”. Ini bermakna kaedah pengantaraan merupakan ‘perundingan secara terpimpin’ (*assisted negotiation*) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator.

Penggunaan kaedah *sulh* di mahkamah syariah telah pun dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Penubuhan Manual *Sulh* telah diwujudkan pada 2002. Manual *Sulh* ini mengandungi prosedur-prosedur kaedah pengantaraan, perdamaian dan juga kerangka tata kelakuan (*code of conduct*) bagi pegawai-pegawai kehakiman yang menjalankan *sulh*.

Satu-satunya peraturan mentadbir *Sulh* dalam undang-undang Islam adalah bahawa tidak ada kompromi dalam peraturan mentadbir *sulh* dan undang-undang Islam adalah aspek *Huquq Allah* (Hak Allah) yang termasuk hukuman hudud, zakat, kafarah, dan lain-lain. Sebarang usaha untuk memintas peruntukan yang ditetapkan ini melalui penyelesaian bersama adalah berdosa dan tidak sah. Walau bagaimanapun, dalam *Huquq Al Ibad* (hak manusia), berkompromi dan perdamaian adalah digalakkan dalam pengamalan kaedah tersebut selagi ia adalah adil dan saksama serta tidak melanggar mana-mana peruntukan syariah. Sesuatu pertikaian yang telah dibawa ke mahkamah hendaklah dibawa berunding oleh pihak hakim / kadi sehingga mencapai persetujuan bersama iaitu sama seperti kaedah *sulh*. Terdapat ijma (kesepakatan) daripada ulama-ulama Islam mengatakan bahawa kaedah bertolak ansur adalah lebih baik kerana ia merupakan kaedah penyelesaian pertikaian ditentukan dengan cara yang betul (Syed Khalid Rashid, 2004).

#### **4.4 Majlis *Sulh* di Mahkamah Syariah, Negeri Selangor.**

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, peruntukan *sulh* di mahkamah syariah dinyatakan dalam kaedah yang diluluskan kebanyakan negeri dan wilayah secara berperingkat. Antaranya dinyatakan: Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 diwartakan pada 20 Disember 2001 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2001, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004 diwartakan pada 8 Januari 2004 dan mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) 2004 (Melaka) diwartakan pada 12 Februari 2004 dan mula kuat kuasa pada 15 Februari 2004, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Johor 2004 pula diwartakan pada 12 Ogos 2004 dan mula kuat kuasa pada 1 September 2004. Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Mahkamah Syariah Pulau Pinang 2006 diwartakan pada 22 Jun 2006 dan mula kuat kuasa pada 22 Jun 2006. Akhir sekali Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah Pahang (*Sulh*) 2005 diwartakan pada 7 Julai 2005 dan kini masih belum berkuat kuasa (Haji Mohd Ali & Hasan, 2008).

Sebilangan mahkamah syariah di Malaysia mempunyai kaedah *sulh* yang hampir serupa diguna pakai sewaktu kendalian Majlis *Sulh*. *Sulh* di mahkamah syariah berasas baik kerana pelaksanaannya mendapat sokongan sepenuhnya daripada badan perundangan, dan ruang untuk berbincang melalui *sulh* diberi pada mana-mana bahagian dalam prosiding. Malah dalam Arahan Amalan JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) 1/2001 berkenaan Kod Etika Hakim secara jelas menyatakan antara etika Hakim semasa dalam mahkamah adalah menggalakkan *sulh*, arahan tersebut berbunyi:

*(j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara *Sulh* dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman*

Berdasarkan Zainudin (2009), Kaedah-Kaedah *Sulh* yang dinyatakan pihak JKSM dan JKSN (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Wilayah) sentiasa mengeluarkan Arahan-Arahan atau Pekeliling yang menunjukkan prosedur atau polisi tertentu untuk digunakan atau untuk menjelaskan yang kabur atau tidak ada dalam Kaedah-kaedah Tatacara Mal. Arahan-Arahan ini penting untuk dilaksanakan bagi negeri yang belum mempunyai Kaedah-Kaedah *Sulh*.

#### **4.5 Keberkesanan Perlaksanaan Sulh**

Secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep *Sulh* telah menunjukkan kesan yang positif. Kajian Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada tahun 2002 mendapati kaedah ini berjaya mengurangkan hampir 65 peratus kes di mahkamah syariah Selangor sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2001.

Merujuk kepada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, bilangan-bilangan kes yang berdaftar melalui majlis *Sulh* atau kaedah *Sulh* adalah sebanyak 4232 kes pada tahun 2009, 5039 kes pada tahun 2010 dan sebanyak 5045 kes pula pada tahun 2011. Pada tahun 2012, bilangan kes yang berdaftar telah berkurang sebanyak 4161 kes berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 5045 kes. Namun begitu, pada tahun 2013, bilangan kes semakin meningkat iaitu 4729 kes. Data-data yang dipilih untuk analisis itu adalah dari tahun 2009 hingga 2013. Statistik bilangan kes ini adalah seangkatan dengan peningkatan penyelesaian kes-kes di mahkamah yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam khususnya produk perbankan Islam di Malaysia.

Sebagai rumusan penggunaan pendekatan, kaedah dan teknik yang diamalkan dalam majlis *Sulh* adalah penting bagi memperoleh penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat. Pelaksanaan majlis *Sulh* di mahkamah syariah adalah bertujuan mempercepatkan perbicaraan kes mal di mahkamah syariah, untuk mengurangkan kes-kes yang tertangguh dan untuk menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang terlibat secara harmoni dan dalam suasana kekeluargaan.

*Sulh* adalah salah satu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang ditubuhkan secara khusus dan asing daripada pentadbiran mahkamah. Dengan itu, masyarakat mempunyai pilihan sama ada menyelesaikan kes secara damai atau sebaliknya. Sementara itu, pihak mahkamah secara sedar atau tidak akan adanya tekanan untuk menyelesaikan kes secara cepat. Hasilnya pihak mahkamah yang mengendalikan sesuatu kes tersebut akan mendesak pihak-pihak untuk mendapatkan persetujuan yang tidak merangkumi semua pihak yang terlibat. Oleh hal yang demikian, mengasingkan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif seperti kaedah *Sulh* daripada mahkamah adalah relevan (Azahari, 2005).

**Jadual 1: Perbezaan dan Persamaan Jenis-Jenis Kaedah  
Penyelesaian Pertikaian Alternatif**

	<b>Timbang tara</b>	<b>Pengantaraan</b>	<b>Sulh</b>
<b>Proses</b>	Proses adalah neutral dan juga berasaskan undang-undang persekutuan dan peraturan-peraturan timbang tara.	Proses adalah neutral dan hendaklah berasaskan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh MMC.	Proses adalah neutral dan berasaskan Manual Sulh Mahkamah Syariah (mengikut negeri).
<b>Keputusan</b>	Diputuskan oleh pegawai timbang tara yang bertauliah dan keputusannya muktamad.	Diputuskan oleh pihak-pihak yang terlibat, tugas pegawai pengantara adalah hanya membantu dalam menyediakan keputusan.	Diputuskan oleh pihak-pihak yang terlibat dan keputusannya boleh disediakan oleh pegawai sulh yang dilantik oleh Mahkamah Syariah
<b>Panduan bagi membuat keputusan</b>	Berpandukan perjanjian bertulis yang dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat serta mengikut Akta Timbang Tara 2005	Berpandukan perjanjian bertulis yang dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat serta mengikut Akta Pengantaraan 2012	Berpandukan Huquq Al Ibad dan penyelesaian bersama yang diputuskan oleh pihak-pihak yang terlibat. Pegawai sulh membantu dalam mendorangkan perjanjian persetujuan sekiranya persepakatan dicapai dan selepas ditandatangani diserahkan kepada hakim untuk direkodkan sebagai penghakiman berdasarkan persetujuan.

## 5.0 KESIMPULAN

Kedua-dua bentuk penyelesaian ini iaitu menerusi perbicaraan di mahkamah dan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif telah lama diiktiraf amalannya. Salah satu tujuannya adalah untuk menjadikan kehidupan masyarakat sejagat sentiasa dalam keadaan aman dan harmoni. Namun begitu, sekiranya ada pelanggaran terhadap keharmonian tersebut, perkara tersebut akan merujuk kepada bentuk-bentuk penyelesaian ini. Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif boleh dirujuk dalam urusan peribadi atau rasmi pihak-pihak yang terlibat. Akan tetapi, apabila melibatkan kesalahan jenayah, penyelesaian akan ditentukan menerusi perbicaraan di mahkamah.

Ringkasnya, persetujuan penyelesaian bergantung kepada peranan yang dilaksanakan oleh pihak hakim ataupun pihak orang tengah (kaedah penyelesaian pertikaian alternatif). Namun begitu, kelebihan menyelesaikan pertikaian menerusi kaedah penyelesaian pertikaian alternatif lebih banyak berbanding dengan melalui proses perbicaraan di mahkamah.

Antaranya, campur tangan pihak ‘orang tengah’ hendaklah neutral dan tidak memihak kepada mana-mana parti. Selain itu, terdapat penjimatan masa dan kos apabila menyelesaikan dengan kaedah ini. Keperluan untuk mencapai penyelesaian hendaklah juga secara sukarela tanpa sebarang paksaan dan ia hendaklah dalam keadaan ‘menang-menang’ atau ‘*win-win situation*’. Akhir sekali, persetujuan yang dicapai dapat mengekalkan sifat hormat dan hubungan kemasyarakatan yang berpanjangan.

Oleh hal yang demikian, kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif ini semakin menjadi pilihan bagi pihak-pihak yang bertelingkah (urusan peribadi / rasmi) untuk mendapatkan penyelesaian. Kaedah ini mengamalkan prosedur yang fleksibel, kepakaran yang kreatif dalam bidang yang tertentu dan suasana yang lebih harmoni dimana pihak-pihak yang terlibat dapat menyertai secara langsung dalam mencapai penyelesaian bersama. Kelebihan-kelebihan ini tidak akan wujud semasa melakukan penyelesaian di mahkamah. Ini kerana pertikaian dan hujahan penyelesaian dilakukan menerusi para peguam dan keputusan yang ditentukan oleh hakim akan hanya berpihak kepada salah satu parti sahaja.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hak, N. (2006). Hakam/tahkim (arbitration) in resolving family disputes: The practice in the Syariah Courts of Malaysia and Singapore. *Asia Journal of International Law*, 1, 43-71.
- Abd Majid, M.Z. (1997). *Pengantar undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azahari, R. (2005). *Sulh dalam perundangan Islam. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII, 29 Januari 2005*. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Bennett, S.C. (2000). Click-wrap arbitration clauses. *International Review of Law, Computers & Technology*, 14(3), 397-409.
- Bing, L.H. (2010). Mediation: The way forward, challenges and solutions. *Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia, 12-15 December 2010* (pp. 1-41). <http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/document3/teks%20ucapan/speech%20datuk%20wira%20low%20hop%20bing.pdf>
- Buang, S. (2002). Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah selangor Darul Ehsan, *Hotel quality, Shah Alam, 22-24 April 2002*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.
- Bukhari, K.Z. (2003). Arbitration and mediation in Malaysia. *ASEAN: the Law & Practice, In 8th general Assembly 2003* (pp. 1-6). [http://www.aseanlawassociation.org/docs/w4\\_malaysia.pdf](http://www.aseanlawassociation.org/docs/w4_malaysia.pdf)
- Deutsch, M. (1990). Sixty years of conflict. *The International Journal Of Conflict Management*, 1, 237-263.
- Freeman, M.D.A. (2008). *Introduction to jurisprudence*. 8<sup>th</sup> Ed. Great Britain: Sweet and Maxwell.
- Guest, A.G. (1979). *Anson's Law of contract*. London: E.L.B.S. Oxford University Press.
- Haji Mohd Ali, S.N. & Hasan, Z. (2008). Perlaksanaan Sulh dan keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor. Retrieved from <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/07/sulh-di-mahkamah-syariah.pdf>

- Md Supi, S.S. (2013). Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu pengenalan ringkas. Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7185-bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas>
- Mohd Nadzri. (2010). *Undang-undang tatacara mal mahkamah syariah: Prinsip dan amalan*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.
- Perlembagaan Persekutuan (Jadual Sembilan, Senarai 2) (Malaysia)
- Sakdan, M.F. (2005). *Pengurusan konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syed Ahmad Idid. (2005). Alternative dispute resolution (ADR) an alternative access to justice. Retrieved from <http://www.supremecourt.Gov.Pk/Ijc/Articles/7/5.Pdf>
- Syed Khalid Rashid. (2004). Alternative dispute resolution in the context of Islamic Law. *The Vindobona Journal of International Commercial Law And Arbitration*, 8(1), 95-118.
- Zainudin, M.R. (2009). Antara *Sulh* dan mediasi yang mana dekat dihati. *Muzakarah Pegawai-Pegawai Sulh Seluruh Malaysia (Kali Pertama)*, 15-17 Mac 2009. Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.